

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI RABU, 3 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 7**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1311-L53491  
**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pelan pembangunan luar bandar terutama di Sarawak dan Sabah bagi mengatasi masalah kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar.
2. PR-1311-L54720  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapa Malaysia tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi menyelesaikan tragedi pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya di Myanmar.
3. PR-1311-L53536  
**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
  - (a) apakah tindakan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menangani masalah liputan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih yang rendah di kawasan luar bandar. Ini penting apabila berlakunya hal melibatkan kecemasan di kawasan terbabit; dan
  - (b) adakah cadangan bagi mempertingkatkan sistem telekomunikasi dengan membina lebih banyak menara tambahan umpamanya.
4. PR-1311-L54817  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah janji untuk meningkatkan jumlah permit teksi individu akan dilaksanakan, apakah kuasa pemberian permit diletakkan pada tangan Kerajaan Negeri dan sama ada permit untuk syarikat besar sedia ada akan ditarik balik demi memberi peluang ekonomi lebih besar kepada pemandu individu.

5. PR-1311-L53287  
**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina Balai Bomba seperti berikut:-
  - (a) Balai Bomba di Pekan Belaga, Bahagian Kapit; dan
  - (b) Balai Bomba di Penempatan Semula Sungai Asap, Daerah Belaga, Bahagian Kapit
6. PR-1311-L53396  
**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan program ekonomi berorientasikan pelancongan yang telah dibangunkan dalam Wilayah KETENGAH.
7. PR-1311-L54767  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah program-program belia mendapat sambutan daripada belia di kawasan luar bandar dan sejauh mana penglibatan golongan belia dalam aktiviti pembangunan di kawasan luar bandar. Adakah Kementerian merancang untuk mewujudkan pusat-pusat usahawan untuk menjadi platform belia terlibat dalam bidang keusahawanan khasnya di kawasan luar bandar.
8. PR-1311-L54594  
**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah memastikan siswa perguruan di Institut Pendidikan Guru dan institusi pengajian tinggi tidak menganggur apabila Kerajaan tidak lagi menjamin mereka dilantik menjadi guru. Apakah langkah untuk menyesuaikan jumlah pengambilan baru dengan keperluan semasa.
9. PR-1311-L53680  
**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian akan mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik yang semakin meningkat di kawasan luar bandar seperti Kuala Selangor. Apakah perancangan Kementerian selepas projek Lebuh Raya LATAR di Kuala Selangor serta tindakan-tindakan lain dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Kuala Selangor.
10. PR-1311-L53127  
**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos projek PPSMI sejak ia dilaksanakan.

11. PR-1311-L54099

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah terkini keseluruhan kakitangan awam persekutuan dalam seluruh negara yang status jawatan tetap; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan dalam menangani tuntutan ramai yang ingin berkhidmat dalam Kerajaan walaupun penempatan terhad.

12. PR-1311-L54458

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menaiktarafkan Kompleks Sukan di Sarikei. Kalau ada rancangan untuk membaik pulihkan Kompleks Sukan tersebut, berapakah kos bagi projek tersebut.

13. PR-1311-L54607

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina jalan raya di Langkawi masa hadapan kerana kali terakhir Langkawi menerima peruntukan pembinaan jalan baru adalah pada sekitar tahun 2007, sedangkan dewasa ini terdapat kesesakan yang amat ketara terutama ketika waktu percutian puncak. Sekiranya ada, berapa jumlah dan nama cadangan jalan-jalan tersebut.

14. PR-1311-L53279

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah produk makanan yang tercemar daripada diimport ke pasaran di Malaysia.

15. PR-1311-L53467

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah konkrit Kementerian untuk menambah kapasiti bilangan pengambilan pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam di negeri Sabah bagi menampung bilangan yang semakin ramai khususnya UiTM Sabah.; dan
- (b) apakah status pembinaan Sekolah Menengah Telipok yang telah dibatalkan pembinaan sejak 2008 dan juga status cadangan pembinaan Sekolah Menengah Alam Mesra.

16. PR-1311-L54521

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peruntukan dan bantuan kewangan yang disalurkan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Seni Kebudayaan Peringkat Antarabangsa di Daerah Muar dari 2011-2013.

17. PR-1311-L53120  
**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan skandal daging kuda di Eropah tidak merebak ke Malaysia supaya daging yang dibekalkan di pasaran tempatan termasuk produk sejuk beku di pasar raya besar adalah daging lembu dan bukan daging kuda.
18. PR-1311-L53531  
**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- setuju atau tidak bahawa sementara pihak penyokong dan penentang boleh mengemukakan laporan-laporan teknikal dan kesihatan, Raub Australian Gold Mine di Bukit Koman adalah satu '*unconscionable*' projek; dan
  - adakah Kerajaan akan menutup projek ini.
19. PR-1311-L53128  
**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah berjaya memenuhi keperluan utama generasi muda khususnya belia di negara ini seperti mendapatkan pekerjaan, pendidikan, kemahiran, rumah, sumber kewangan seperti kenaikan kadar gaji dan pengangkutan.
20. PR-1311-L53841  
**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan mencadangkan supaya tempoh pemberitahuan 10 hari menurut Akta Perhimpunan Awam 2012 akan disingkatkan.
21. PR-1311-L53289  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- adakah terdapat data berkenaan penangkapan mahasiswa yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di dalam kampus dan apakah usaha-usaha Kementerian bagi menangani masalah dadah di IPTA dan IPTS terutama dadah jenis sintetik; dan
  - berapa jumlah pelajar IPTA/IPTS yang telah tidak berjaya menamatkan pengajian dari tahun 2008-2013 akibat penyalahgunaan dadah.
22. PR-1311-L54268  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pampasan pengambilan tanah yang dibayar oleh Petronas kepada penduduk di Kerteh dan Pengerang bagi pembinaan zon perindustrian petroleum.

23. PR-1311-L53086  
**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menimbaangkan pembinaan sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di Parit bagi menampung keperluan rakyat tempatan untuk memasuki sekolah tersebut.
24. PR-1311-L53924  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah menara pemancar untuk *Customer Premise Equipment (CPE)* bagi Projek 1BestariNet yang telah dibina di kawasan sekolah di seluruh negara, kos untuk setiap projek tersebut dan sama ada projek ini akan diteruskan.
25. PR-1311-L53054  
**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar satu langkah proses pemulihan ke arah menyatupadukan semula rakyat Malaysia pelbagai kaum bermula dengan menolak fahaman ekstremis berunsur perkauman dan gerakan jalanan rakyat yang menjurus ke arah menggugat perpaduan. Apakah langkah susulan Kerajaan mengenai perkara tersebut.
26. PR-1311-L54049  
**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Kementerian tersebut sering mewajibkan warga guru menghadiri kursus politik BN yang tidak berkenaan dengan skop pekerjaan. Sebagai contoh, guru diwajib hadir Perjumpaan Khas YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia Bersama Warga Pendidikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di SJK(C) Foon Yew 1, Johor Bahru pada 16 April 2013.
27. PR-1311-L53366  
**Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pengeksportan sarang burung walit ke negara China dan negara-negara lain.
28. PR-1311-L54783  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menambahbaikkan keadaan kerosakan jalan di merata-rata tempat di Kuala Lumpur. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan tempoh tindak balas (*response time*) terhadap aduan kerosakan jalan raya di Kuala Lumpur.
29. PR-1311-L53500  
**Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah dan usaha dalam menyeragamkan bantuan Persekutuan yang diberi kepada penerima dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Negeri.

30. PR-1311-L54434  
**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada benar atau tidak 1500 tempat untuk program matrikulasi telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar India pada tahun 2012. Berapakah jumlah tempat matrikulasi yang telah dan akan diberikan kepada pelajar-pelajar India pada tahun 2013.
31. PR-1311-L53244  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah punca yang menyebabkan kekurangan minyak diesel sering berlaku sejak awal tahun ini dan apakah langkah yang sedang diambil supaya ia tidak berlaku lagi.
32. PR-1311-L54710  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- untuk projek MRT Line 2 sama ada kontraktor utama atau “*project development partner*” akan ditawarkan secara runding terus atau secara tender terbuka; dan
  - apakah tarikh perlaksanaan yang dijangkakan dan anggaran nilai projek tersebut.
33. PR-1311-L54498  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai pelan untuk meningkatkan prestasi usahawan Melayu dan Bumiputera luar bandar yang jelas merupakan di kalangan penyokong kuat Barisan Nasional.
34. PR-1311-L53920  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini dan rancangan Kerajaan Persekutuan mengambil alih Jambatan Lanang yang telah dicadangkan oleh wakil kerajaan negeri Sarawak sejak Pilihanraya Kecil Sibu pada tahun 2010 hingga Pilihanraya Umum ke-13.
35. PR-1311-L53180  
**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :
- bilangan terkini pelancong yang datang ke negara ini mengikut negara; dan
  - kesan yang terjadi akibat demonstrasi jalanan dalam dan luar negara yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab, serta menjelaskan usaha mempromosikan Lembah Lenggong Tapak Warisan Dunia UNESCO.

36. PR-1311-L54666  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peningkatan harga barang keperluan asas pasca Pilihan Raya Umum ke-13 dan tindakan yang diambil untuk mengawal peningkatan harga barang keperluan asas tersebut.
37. PR-1311-L53104  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa ramaikah yang telah menyumbang dan jumlah sumbangan kepada tabung mangsa pencerobohan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah dan berapa jumlah sumbangan Kerajaan kepada keluarga mangsa; dan
  - (b) tindakan yang diambil bagi memastikan agar pencerobohan ini tidak berulang lagi serta kos yang terlibat.
38. PR-1311-L54578  
**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan saman pemilik asal buaian gergasi Eye On Malaysia, Fitraco atas syarikat Eye On Malaysia dan MST Ad Suria selepas kegagalan melunaskan hutang RM17 juta bagi menyewa dan membawa buaian ke Malaysia pada 2006 dan di Melaka.
39. PR-1311-L54621  
**Dato' Abd. Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Klinik 1 Malaysia di seluruh negara, jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik tersebut serta kos keseluruhan dalam penyediaan perkhidmatan tersebut yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.
40. PR-1311-L54198  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan Malaysia telah memberitahu Timbalan Setiausaha Kementerian Keadilan (*Ministry of Justice*) Thailand bahawa Kerajaan Malaysia tidak puas hati dengan tingkah laku Dr Porntip Rojanasunan mengakibatkan Dr Porntip membatalkan perjalanan beliau ke Malaysia untuk membuat bedah siasat dalam kes kematian C.Sugumar.
41. PR-1311-L53151  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dibenarkan memilih memberi perkhidmatan kepada kawasan yang menguntungkan sahaja. Adakah Kerajaan merancang untuk membiayai perkhidmatan IWK daripada wang bajet kerajaan dan bukan kutipan terus daripada rakyat.

42. PR-1311-L54800  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah drastik yang akan diambil untuk memulihkan imej SPR sebagai badan yang bebas, adil lagi bersih. Ini kerana kepercayaan rakyat terhadap kesahihan Kerajaan yang dipilih adalah rendah akibat kesilapan demi kesilapan SPR yang mencemari integritinya.
43. PR-1311-L53384  
**Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan diesel di stesen-stesen minyak yang amat genting di Sandakan.
44. PR-1311-L53978  
**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi penambahbaikan kualiti kursus yang ditawarkan di politeknik di seluruh negara pada ketika ini. Apakah ia menepati kehendak pasaran semasa.
45. PR-1311-L53283  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-  
(a) senaraikan syarikat-syarikat skim pelaburan emas yang didapati beroperasi secara haram; dan  
(b) jumlah pelaburan dan bilangan pelabur yang terlibat dalam skim haram tersebut.
46. PR-1311-L53818  
**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan syarikat perlombongan nadir bumi, Lynas Sdn. Bhd. mengeksport keluar semua sisa toksik radioaktif hasil pemprosesan nadir bumi di kilang Gebeng. Adakah AELB akan membatalkan lesen pemprosesan sementara (*Temporary Operating License*) atas kegagalan syarikat Lynas Sdn. Bhd. untuk mengeksport keluar sisa toksik radioaktif tersebut.
47. PR-1311-L54828  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Sarawak merupakan negeri yang menikmati layanan sama rata dalam Pertubuhan Persekutuan Malaysia. Mengapa pembangunan infrastuktur di Sarawak adalah 20 tahun (kalau bukan, sila nyatakan berapa tahun) ketinggalan tentang "*18 points of Agreement*" berapa sudah dipatuhi, kalau tidak, adakah Kerajaan akan menunaikannya.
48. PR-1311-L53522  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan isu penternakan ayam secara komersial di negara kita yang menghasilkan daging dan telur ayam yang kandungan lemak omega 6 yang telulu tinggi dan membahayakan kesihatan. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

49. PR-1311-L54454  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan kemalangan yang kerap berlaku di Jalan Pan Borneo berhampiran dengan Taman Negara Sebangkoi, Sarikei. Berapakah peruntukan telah diluluskan untuk projek menaiktarafkan jalan raya tersebut.
50. PR-1311-L53368  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan makna istilah "*Middle Income Trap*" dan sebab-sebab utama pengwujudannya.
51. PR-1311-L54833  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan fahaman politik perkauman, adakah ia akan memperkenalkan undang-undang untuk menyekat dan melarang kelangsungan kewujudan dan penubuhan parti-parti politik berasaskan kaum dan etnik, jika tidak, apakah sebabnya.
52. PR-1311-L53192  
**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjung ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang dan sama ada pelabuhan bebas dapat dipulihkan di Pulau Pinang jika pelabuhannya telah diswastakan.
53. PR-1311-L54250  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah unit perumahan DBKL yang kosong dan berapa jumlah permohonan yang masih dalam pertimbangan DBKL.
54. PR-1311-L54421  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah lokap dan bilik soal siasat balai polis yang telah dilengkapi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), jumlah bilik soal siasat SPRM yang telah dilengkapi pemasangan CCTV, jenis jenama CCTV dan tahun pemasangannya serta peruntukan belanja yang digunakan bagi setiap pemasangan tersebut.
55. PR-1311-L54015  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci kedudukan terkini, syarikat konsesi dan kos yang terlibat dalam pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (*Western Coastal Highway*) sepanjang 316 km dari Banting ke Taiping yang dilaporkan akan mengadakan kutipan Tol selama 50 tahun hingga tahun 2066.
56. PR-1311-L54141  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kejayaan dan prestasi Projek Permata Negara sehingga kini serta perancangan jangka panjangnya.

57. PR-1311-L53277  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang melayakkan seseorang untuk dilantik sebagai pegawai Suruhanjaya Pilihanraya semasa Pilihan Raya Umum ke-13.
58. PR-1311-L53730  
**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar yang diluluskan dalam tahun 2009 kepada 9 buah rumah panjang berikut tidak dilaksanakan sehingga sekarang iaitu Rumah Antau, Bunuk Beging, Rumah Atet, Titok Baruh, Rumah Manggat, Titok Tengah, Rumah Lampas, Titok Atas, Rumah Tayan, Nibong Atas, Rumah Unchat, Nibong Baruh, Rumah Isau, Gelong, Rumah Igai, Bukit Tungku dan Rumah Kudang, Gerunggang.
59. PR-1311-L53831  
**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah 'wang ehsan' yang telah dibelanjakan di negeri Kelantan dan apakah mekanisme yang dipakai untuk pengagihan wang tersebut.
60. PR-1311-L53603  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan pasar awam Batu Pahat seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam jelajah Janji Di Tepati di Batu Pahat awal tahun lepas.
61. PR-1311-L54873  
**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan penubuhan Jabatan Pencegahan Jenayah PDRM seperti yang diumumkan oleh Ketua Polis Negara. Apakah struktur pentadbiran, fungsi dan peranan jabatan ini dalam mencegah jenayah di negara ini.
62. PR-1311-L54248  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha Kerajaan Persekutuan sebagai salah satu pihak konsesi air Selangor bagi memastikan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menurunkan kadar air tidak berhasil (*non-revenue water NRW*) kepada 20 peratus pada tahun 2012 seperti termaktub dalam perjanjian tersebut.
63. PR-1311-L54342  
**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah dana awam yang dibelanjakan untuk menerbitkan filem 'Tanda Putera', mengapa ia tidak dibenarkan tayangannya sebelum PRU13 akan tetapi dibenarkan sekarang.

64. PR-1311-L54740

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah bentuk bantuan kebajikan yang disalurkan kepada golongan termiskin, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyeragamkan bantuan kebajikan di Semenanjung Malaysia dan Sabah & Sarawak; dan
- (b) sekiranya Kementerian belum ada perancangan sebegini, bila dan berapa lama masa diperlukan Kementerian untuk menyeragamkan bantuan kebajikan tersebut di Semenanjung Malaysia dan Sabah & Sarawak

65. PR-1311-L53129

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) apakah pelan dan perancangan Kementerian berhubung pembangunan semula setinggan Kampung Pandan India; dan
- (b) bilakah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan ini akan dilaksanakan. Ini kerana penduduk-penduduk yang telah dipindahkan mahu kembali semula ke tempat asal mereka selepas PPR seperti yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan/Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

66. PR-1311-L54094

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pelajar di Sekolah Menengah Persendirian Cina Foon Yew di Pasir Gudang yang baru akan diwajibkan untuk menduduki SPM dan sama ada permohonan untuk membuka balik Sekolah Menengah Persendirian Cina di Segamat akan diluluskan.

67. PR-1311-L54067

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah perkembangan PROJEK ALAMAT untuk seluruh negara bagi rumah yang tidak mempunyai alamat yang lengkap; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan dalam menyelesaikan masalah di mana penerima surat yang mempunyai alamat lengkap terpaksa mengambilnya di warung atau pun di kedai yang terdedah dengan risiko rosak dan hilang.

68. PR-1311-L53775

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik enrolmen kanak-kanak pra sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar.

69. PR-1311-L53338  
**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) usaha untuk menambahkan kecekapan dan keberkesanan pihak polis dalam membasmi jenayah dan menjaga keselamatan orang awam; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu sistem kawal seliaan keselamatan elektronik (seperti pemasangan CCTV) di tempat-tempat yang strategik untuk mencegah berlakunya kegiatan jenayah.
70. PR-1311-L53041  
**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peruntukan pembangunan kecil kawasan Parlimen untuk semua Ahli Dewan Rakyat akan diambil kira dalam pembentangan Bajet 2014 nanti.
71. PR-1311-L54557  
**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) rancangan Kementerian untuk membina hospital di kawasan Parlimen Kapar; dan
  - (b) jumlah pesakit dari kawasan Parlimen Kapar yang dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dari Januari hingga Disember 2012.
72. PR-1311-L53748  
**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) atas kegagalan mematuhi peraturan pilihan raya mengenai dakwat kekal.
73. PR-1311-L54718  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status pembayaran Wang Pajakan (Cession Money) kepada waris Kesultanan Sulu sehingga hari ini.
74. PR-1311-L54775  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah pencegahan banjir di Kuala Lumpur dan peruntukan dalam aspek ini. Apakah DBKL telah memberi perhatian terhadap aduan banjir kerana masalah longkang dan parit di OUG, United Garden dan Pekan Salak Selatan di kawasan Parlimen Seputeh.
75. PR-1311-L53584  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan telah membenarkan keadaan tanpa seorang Pesuruhjaya di Suhakam sejak April 25, 2013 sehingga lebih 45 hari.

76. PR-1311-L54698

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) statistik terperinci peminjam "Skim Rumah Pertamaku" bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 mengikut umur, jantina, bangsa dan lokasi; dan
- (b) senarai rumah PR1MA yang siap dibina pada tahun 2012 dan 2013 mengikut lokasi, harga, peratus jualan projek dan senarai projek-projek PR1MA lain yang dirancang untuk tahun 2013 dan 2014 mengikut lokasi, harga dan tarikh dijangka siap.

77. PR-1311-L54880

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai pemaju perumahan Melayu dan Bumiputera di seluruh negara.

78. PR-1311-L53948

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengapa Kementerian perlu melaksanakan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah ; dan
- (b) apakah keberkesanannya dan pencapaian yang bakal diperolehi oleh para guru dan murid.

79. PR-1311-L53439

**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah siasatan dibuat ke atas dakwaan bahawa pihak pembangkang menerima banyak dana daripada pihak luar dan apakah penemuan dan tindakan hasil siasatan tersebut.

80. PR-1311-L53632

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah benar peristiwa serangan dan pencerobohan di Lahad Datu melibatkan peranan dalang-dalang yang terdiri dari rakyat Malaysia sendiri.

81. PR-1311-L53224

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) berapa banyakkah projek-projek yang telah diusahakan dibawah skim "*techno fund*" dan yang dapat dikomersilkan.; dan
- (b) berapakah jumlah dana atau peruntukan perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk projek "*techno fund*" ini.

82. PR-1311-L53593  
**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jambatan antara Pengkalan Kubor dan Takbai, Thailand akan dibina.
83. PR-1311-L53843  
**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :
- (a) berapa jumlah saman Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang telah dikeluarkan sejak ia mula dikuatkuasakan; dan
  - (b) berapa jumlah bayaran yang telah dibayar kepada syarikat pengendali saman AES, iaitu Beta Tegap Sdn Bhd dan ATES Sdn Bhd dari kutipan saman AES tersebut.
84. PR-1311-L54984  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat mengagihkan peruntukan dengan segera untuk Jalan Ladang Di Pulau Bruit, Tanjung Manis yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan rakyat dari beberapa buah kampung untuk ke hospital dan bandar dan jalan ini juga menjadi jalan utama di Pulau Bruit bermula dari jalan Kampung Penuai menuju ke feri point Sungai Nai.
85. PR-1311-L53635  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha dan cadangan untuk mewujudkan tabung berhenti kerja sementara untuk tujuan membantu pekerja yang dibuang kerja disebabkan desakan krisis ekonomi yang melanda negara dan dunia.
86. PR-1311-L55013  
**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan melalui RMK-9 telah melaksanakan pembangunan wilayah terancang seperti Koridor Utara, Koridor Timur, Koridor berimpak tinggi yang berjaya dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan ini dan apakah usaha-usaha yang dibuat bagi masyarakat setempat merasakan kehadiran agensi-agensi pembangunan wilayah ini.
87. PR-1311-L54943  
**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang kelewatan pembinaan SMK Pekan Nabalu di PPD Tuaran. Jika sedar, apakah langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan ini.
88. PR-1311-L54972  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan dalam Perlembagaan serta undang-undang negara boleh diambil tindakan yang paling keras terhadap individu yang buta sejarah, biadab serta jahil mengenai tatasusila serta adab yang menghina dan mempersenda DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong melalui pelbagai media elektronik.

89. PR-1311-L55026  
**Tuan Rozman Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan Labuan tidak mempunyai jaringan jalur lebar yang pantas dan boleh diterima (*reliable*) bagi memberi keyakinan kepada pelabur, peniaga dan penduduk Labuan selaras dengan statusnya sebagai pusat kewangan dan hab minyak & gas. Adakah Kementerian mempunyai cadangan bagi menangani masalah ini.
90. PR-1311-L54919  
**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan pendekatan memperkuuhkan kawalan keselamatan di Pantai Timur, Sabah melalui ESSCOM bagi memastikan insiden pencerobohan pengganas Sulu tidak berulang lagi pada masa depan.
91. PR-1311-L54188  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengembalikan status pelabuhan bebas tradisional di Pulau Pinang selaras dengan janji untuk berbuat sedemikian dalam Pilihan Raya Umum baru-baru ini. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
92. PR-1311-L53698  
**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses penyerahan Borang 13 (Penyata Kertas Mengundi) dan Borang 14 (Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Undi) daripada Ketua Tempat Mengundi kepada Suruhanjaya Pilihanraya dijalankan secara tidak transparen di mana tiada mana-mana wakil atau saksi daripada mana-mana parti politik yang hadir semasa penyerahan tersebut.
93. PR-1311-L53669  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru di Malaysia, standardnya serta jumlah gaji dan elaun yang perlu. Apakah langkah untuk meningkatkan mutu perguruan termasuk Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
94. PR-1311-L54427  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan terkini peserta Skim Pembiayaan Khas bagi membeli unit PPR-MTEN dan PA-DBKL dan bilangan mereka yang gagal membayar pinjaman tersebut. Nyatakan juga jumlah tawaran yang ditolak dan sebab yang diberi.
95. PR-1311-L55031  
**Tan Sri William Mawan Ikom [ Saratok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- apakah perancangan menyeluruh Kementerian untuk menaik taraf hospital-hospital di seluruh negara termasuk Hospital Saratok; dan
  - apakah langkah-langkah Kementerian dalam menangani masalah kekurangan peralatan perubatan dan ubat kecemasan di hospital dan klinik kesihatan.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah (2 Julai, 2013)**

- |    |               |   |                                   |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2013) | Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013 | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |               |   |   |
|----|---------------|---|---|
| 3. | (D.R. 3/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|---|---|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |               |  |   |
|----|---------------|--|---|
| 4. | (D.R. 2/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|--|---|
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
- |    |                |  |  |
|----|----------------|--|--|
| 5. | PR-1311-U53624 |  |  |
|----|----------------|--|--|
- Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bagi rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

6. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

8. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

9. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)".

Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

10. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

11. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

12. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

13. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

**(Menteri Pengangkutan)**

15. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

16. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

17. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

18. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.

"

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

19. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya juga bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

20. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

21. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

23. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**